



**Satu Panduan Asas untuk**  
*Mentafisir Alkitab*  
**Mengikuti Peraturan-Peraturan**

**Robert H. Stein**



**WAWASAN  
PENABUR**

# Satu Panduan Asas untuk Mentafsir Alkitab: Mengikuti Peraturan-Peraturan

Penyunting & Reka Letak : Randy Singkee  
Desain Kulit Buku : Chaing Juat Chin  
Penelitian Pruf : Randy Singkee  
: Christopher Wilfred

Judul asli:

A Basic Guide to Interpreting the Bible: Playing by the Rules  
©1994 Robert H. Stein

Penerbit:

Wawasan Penabur Sdn. Bhd.  
wawasan.penabur@gmail.com  
www.wawasanpenabur.org

Penerbit asal:

Baker Books, P.O. Box 6287, Grand Rapids, Michigan 49516.  
ISBN 0-8010-2101-4

Dalam buku ini ayat-ayat dipetik dari Alkitab Berita Baik dan Alkitab Terjemahan Baru terbitan Lembaga Alkitab Indonesia (tetapi ejaan diubah untuk disesuaikan kepada Bahasa Malaysia).


Cetakan Pertama: Februari 2016  
Cetakan Kedua : Mei 2018

Hakcipta © 2016 Wawasan Penabur Sdn. Bhd.

Hak Cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.

# Daftar Kandungan

<b>Bahagian 1: Peraturan-Peraturan Umum untuk Mentafsir</b>	<b>1</b>
1. Siapakah yang Membuat Peraturan-Peraturan itu? Suatu Pengenalan kepada “Hermenuetika”	2
2. Definisi Peraturan-Peraturan: Perbendaharaan Kata untuk Mentafsir	24
3. Adakah Semua Orang Boleh Mentafsir? Roh Kudus dan Pentafsiran Alkitabiah	49
4. Peraturan-Peraturan yang Berlainan dalam Buku yang Sama: Bentuk Belainan Kitab Suci	61
<b>Bahagian 2: Peraturan-Peraturan Spesifik untuk Permainan- Permainan Individu</b>	<b>67</b>
5. Permainan Hikmat – Peribahasa	68
6. Permainan Ramalan – Nubuat	73
7. Permainan Irama – Puisi	84
8. Permainan Jargon – Simpulan Bahasa	96
9. Permainan Membesar-besarkan – Hiperbola	101
10. Permainan Perbandingan – Perupamaan	117
11. Permainan Cerita – Naratif Alkitabiah	131
12. Permainan Surat-Menyurat – Warkah	148
13. Permainan-Permainan Perjanjian, Hukum, dan Nyanyian	165



# Bahagian 1

## Peraturan-Peraturan Umum untuk Mentafsir

the choirmaster: according to  
 Destroy. A Miktam of David.  
 he fled from Saul, in the c  
 Be merciful to me, O God  
 merciful to me,  
 for in thee my soul takes ref  
Ps 108:1-5.

Do you judge the sons of  
 rightly?  
 Nay, in your hearts you devis  
 your hands deal out vic  
 earth.  
 3 The wicked go astray from th  
Or mighty lords

I will awake  
 I will give thanks  
 among the peo  
 I will sing praise  
 the nations.  
 For thy steadfast lo  
 heavens,  
 thy faithfulness to



# 1

---

## Siapakah yang Membuat Peraturan-Peraturan itu? Suatu Pengenalan kepada “Hermeneutika”


Istilah “hermeneutika” telah menakutkan ramai orang. Ini tidak menguntungkan dan tidak seharusnya terjadi. Perkataan ini sebenarnya berasal daripada istilah Yunani *hermēneuein* yang bererti “menjelaskan”, “menerangkan”, atau “mentafsirkan”. Dalam Alkitab perkataan ini digunakan dalam Yohanes 1:42; 9:7; Ibrani 7:2; dan Lukas 24:27. Dalam Alkitab (LAI), Lukas 24:27 mengatakan, “Lalu Dia [Yesus] *menjelaskan* kepada apa yang tertulis tentang Dia dalam seluruh Kitab Suci, mulai dari kitab-kitab Musa dan segala kitab nabi-nabi.” Di dalam terjemahan lain pula menyatakan, “Kemudian Yesus *menerangkan* apa yang tertulis tentang diri-Nya di dalam seluruh Alkitab kepada mereka, mulai dari Kitab-kitab Musa dan tulisan para nabi” (BSM).

Perkataan “menjelaskan” dan “menerangkan” dalam kedua-dua versi Alkitab itu diterjemahkan daripada perkataan Yunani [*di*]hermēneuin. Kata nama *Hermes* yang terbentuk daripada kata kerja [*di*]hermēneuein diberikan kepada dewa Yunani yang telah menjadi jurucakap atau pentafsir bagi dewa-dewa lain. Itulah sebabnya dalam Kisah Para Rasul 14:12, kita membaca setelah Paulus menyembuhkan kaki seorang yang lumpuh di Listra, maka orang ramai pun menganggap bahawa

dewa-dewa telah datang melawat mereka. “Mereka mengelar Barnabas sebagai Zeus dan mengelar Paulus sebagai *Hermes* kerana dialah yang berbicara.” (lihat Kis 9:36; 1 Kor 12:10, 30; 14:5, 13, 26, 27, 28; dll.) Istilah “hermeneutika” yang berasal dari perkataan Yunani *hermēneuein* menghuraikan tentang praktis atau disiplin Pentafsiran. Dalam pentafsiran Alkitab, siapakah yang menentukan peraturan-peraturan?

## Pelbagai Komponen dalam Hermeneutika

**D**i dalam semua bentuk komunikasi, harus ada tiga komponen yang berlainan. Jika ada salah satu komponen yang kurang, maka tidak adalah komunikasi. Tiga komponen itu adalah *Penulis*, *Teks*, dan *Pembaca*, atau menurut para ahli bahasa yang menyebutnya sebagai: *Pengekod (encoder)*, *Kod (code)*, *Penyahkod (decoder)*. Cara lain yang dapat menghuraikan tiga komponen ini ialah *Pengirim*, *Mesej (Pesanan)* dan *Penerima*. (Jika kita mengibaratkannya sebagai suatu permainan, kita akan ada *Seorang Pencipta Permainan*, *Bahan-bahan Permainan* [kad-kad, dadu, papan, dll.], dan *Para Pemain*). Tanpa kehadiran ketiga-tiga unsur ini, mustahil ada komunikasi (permainan).



Tujuan utama atau sekurang-kurangnya satu daripada tujuan-tujuan utama dalam mentafsir Alkitab ialah untuk menemukan “maksud” teks yang dipelajari. Kita ingin mengetahui apakah maksud teks tersebut, dan dari mana sebenarnya maksud itu berasal? Dari manakah ia datang? Beberapa pentafsir menyatakan bahawa maksud ini datang dari satu komponen, sedangkan pentafsir-pentafsir yang lain berkata bahawa maksud ini datang dari yang lain.



### *Teks (iaitu Bahan-Bahan Permainan) Sebagai Penentu Maksud*

Ada yang telah mencadangkan bahawa maksud adalah milik teks itu sendiri. Tekslah yang menentukan apakah maksud tulisan itu. Barangkali kita pernah mendengar atau berkata sesuatu seperti ini, “Teks ini memberitahukan kita ...” Dan siapa yang tidak pernah mendengar Billy Graham berkata, “Alkitab mengatakan...”? Namun mereka yang mengatakan bahawa maksud ialah milik teks mempunyai maksud yang berlainan daripada apa yang dimaksudkan oleh Billy Graham. Pandangan ini menyatakan bahawa teks sastera adalah “bebas” (hak sendiri). Sebagai suatu teks ia mempunyai “autonomi semantik”, yang bererti maksudnya tidak bergantung sepenuhnya pada maksud penulis ketika dia menulis teks itu. Apa yang difikirkan oleh penulis alkitabiah dan teks yang ingin disampaikan tidak ada kaitan langsung dengan maksud teks itu. Ini adalah kerana sebuah teks mempunyai autonomi dan bebas sepenuhnya daripada penulisnya. Akibatnya, adalah tidak masuk akal jika kita membaca surat Galatia supaya kita dapat memahami maksud Paulus ketika dia menulis surat Roma. Lagi pun, apa yang dimaksudkan Paulus ketika dia menulis surat Roma tidak lagi bernilai untuk menentukan maksud surat Roma jika dibandingkan dengan pendapat orang lain. Menurut pandangan ini, teks tidak bergantung dan tiada hubungannya dengan penulisnya. Teks mempunyai maksudnya sendiri.

Semasa Billy Graham berkhotbah dari surat Roma, “apa yang dikatakan Alkitab” dan “maksud Paulus” adalah seerti baginya. Tetapi bagi mereka yang mengatakan bahawa teks mempunyai maksudnya yang tersendiri, kedua-dua hal ini adalah berbeza. Setiap teks ialah suatu karya sastera yang tidak bergantung pada yang lain dan patut ditafsirkan tanpa ada kaitan dengan penulisnya. Menurut pandangan ini, bila sesuatu karya menjadi “kesusasteraan”, peraturan-peraturan umum komunikasi biasa tidak lagi berlaku; komunikasi ini telah berubah menjadi suatu karya “sastera”. Sebab ia adalah “sastera”, maka penulis asal tidak mempunyai kawalan ke atasnya lagi. Sastera itu kini mempunyai maksudnya sendiri, terpisah daripada penciptanya. Jika Paulus dapat menghadapkan mereka yang mengatakan bahawa teks mempunyai “hak sendiri,” dia akan berkata, “Maksud saya bila saya menulis ini...”, dan respons mereka akan menjadi, “Memang menarik dengan apa yang anda katakan, Paulus. Tetapi itu sama sekali tidak ada kaitan.” Maksud tulisan Paulus dan apa yang dia cuba sampaikan

dalam tulisannya, tidak lebih berwibawa daripada pentafsiran orang lain. Jadi kita tidak dapat meletakkan kawalan penulis atas maksud teksnya. Inilah suatu pendekatan yang popular di kalangan pengkritik kesusasteraan.

Barangkali masalah terbesar dengan pandangan ini ialah bahawa teks itu sendiri yang menentukan maksudnya; melibatkan apakah “teksnya” dan apakah “maksudnya”. Sebuah teks ialah suatu himpunan huruf-huruf atau simbol-simbol dan simbol-simbol itu boleh saja berbeza. Himpunan itu adalah huruf-huruf Inggeris atau Yunani, simbol-simbol Jepun atau hiroglifik Mesir. Himpunan itu boleh bermula dari kanan ke kiri; dari kiri ke kanan; ke atas atau ke bawah. Ia boleh ditulis di atas papirus, kulit binatang, batu atau besi. Namun kedua-duanya iaitu huruf-huruf dan bahan-bahan yang digunakan adalah objek-objek yang tidak bernyawa. Sebaliknya maksud ialah hasil daripada pemikiran dan pendapat. Ini adalah sesuatu yang hanya boleh dilakukan oleh orang. Sebuah teks boleh menyampaikan maksud, tetapi ia tidak boleh menghasilkan maksud sebab ia tidak boleh berfikir. Hanya para penulis dan para pembaca teks tersebut yang boleh berfikir. Oleh demikian, sebuah teks boleh menyampaikan maksudnya, tetapi hasil maksudnya hanya boleh datang daripada penulis atau pembaca.

### *Pembaca (iaitu Pemain) Sebagai Penentu Maksud*

Ada pentafsir yang mendakwa bahawa maksud sebuah teks ditentukan oleh pembaca. (Kadang-kadang “pembaca” ini dipanggil sebagai “pembaca yang ditujukan”, “pembaca sebenar”, atau “pembaca yang diharapkan.”) Seseorang yang membaca suatu tekslah yang akan memberikan maksud kepadanya atau “mewujudkannya”. Jangan keliru dengan pemikiran bahawa pembaca belajar-mentafsirkan-menemukan-memastikan maksud yang dimiliki teks itu (pandangan ini sudah dijelaskan di atas). Dan jangan pula dikelirukan oleh pandangan yang mengatakan maksud ditentukan oleh maksud penulis sewaktu dia menulis teks itu (pandangan ini akan dijelaskan di bawah). Malah, pandangan ini menegaskan bahawa pembacalah yang menentukan maksud teks. Sewaktu setiap individu sedang membaca teks itu, maka pada waktu itu jugalah mereka menciptakan maksudnya.

Menurut pandangan ini (kadang-kadang dipanggil “teori resepsi”, “kritikan respons-pembaca”, dsbnya), jika para pembaca lain





mendapat maksud-maksud yang berbeza, itu bererti bahawa sebuah teks mengizinkan pembacanya melihat maksud yang berganda. Jadi, kita menemukan pelbagai tafsiran kepada sebuah teks. Pandangan ini menganggap bahawa ada banyak maksud yang sah pada sebuah teks, sebab setiap pentafsir menyumbang ertinya kepada teks itu. Teks itu seumpama setompok dakwat dan ke dalamnya pembaca mencurahkan maksudnya. Kadang kala, kita terdengar seseorang berkata, “Apa maksud teks alkitabiah ini kepada saya ialah .... ” atau, “Petikan ini mungkin memberi maksud yang lain kepada anda tetapi bagi saya, ia bererti...” Akan tetapi, kita akan melihat nanti bahawa pernyataan-pernyataan begini dapat difahami sebagai huraian kepada aplikasi-aplikasi (atau implikasi-implikasi) yang berlainan kepada maksud sebenar penulis.

### *Penulis (iaitu Pencipta Permainan) Sebagai Penentu Maksud*

Pendekatan tradisional terhadap kajian Alkitab ialah pandangan bahawa maksud dikawal oleh penulis. Menurut pandangan ini, maksud sebuah teks ialah niat penulis yang ingin disampaikannya melalui teks itu. Jadi, maksud buku Roma ialah niat Paulus yang ingin disampaikan kepada para pembacanya sewaktu dia menuliskan surat itu. Pandangan ini menyatakan bahawa jika Paulus masih hidup, dia akan menyelesaikan persoalan ini dengan memberitahu kepada kita apa yang dimaksudkan melalui suratnya kepada orang Romawi. (Sebab itulah untuk memahami buku Roma, ia lakan ebi membantu untuk membaca buku Galatia daripada buku-buku lain). Begitu juga, Injil Lukas mempunyai maksud yang Lukas ingin sampaikan kepada Teofilus.

Pandangan ini menyatakan bahawa Alkitab dan kesusasteraan lain tidak boleh diperlakukan sebagai karya sastera unik yang mempunyai peraturan-peraturan khas yang hanya sesuai untuk sastera. Sebaliknya, ia harus ditafsirkan sebagaimana kita mentafsir bentuk komunikasi lisan yang lain. Inilah pendekatan akal budi terhadap komunikasi. Semua perbualan biasa mengandaikan tujuan pentafsiran ialah untuk memahami apa yang dimaksudkan si pembicara atau penulis melalui perkataan-perkataan yang digunakannya. Kita tidak boleh mempertikaikan pandangan ini tanpa bersetuju dengannya, sebab pada masa yang sama kita juga mesti cuba memahami maksud para penulis supaya kita boleh berbincang dengan mereka. Misalnya, dalam percubaan anda untuk memahami perenggan ini, bukankah anda cuba

memahami apa yang saya ingin sampaikan melaluinya?

Hal ini telah dinyatakan bahawa “kesusasteraan” harus ditafsirkan secara berbeza daripada semua komunikasi yang tertulis. Dalam penulisan-penulisan lain, juga dalam komunikasi umum, kita mesti cuba mencari maksud sebenar penulis. Tetapi bila sesuatu penulisan menjadi “kesusasteraan” ia tidak lagi ditafsirkan dengan cara ini. Kesusasteraan harus diletakkan di bawah peraturan-peraturan “sastera” tetapi bukan di bawah peraturan-peraturan komunikasi yang tertulis. Sebagai hasilnya, niat penulis, iaitu maksudnya ketika dia menulis, harus ditolak atau diabaikan, dan maksudnya akan ditentukan oleh teks itu sendiri atau oleh pentafsir.

Tetapi siapakah yang menentukan adakah itu “kesusasteraan”? Tidak ada peraturan, hukum atau persetujuan yang boleh digunakan untuk menentukan apakah itu kesusasteraan dan apa yang bukan kesusasteraan. Pada hakikatnya, pengelasan suatu karya sebagai “kesusasteraan” adalah begitu rambang dan menunjukkan bahawa untuk mentafsirkan suatu karya berbeza daripada komunikasi tertulis yang lain iaitu berdasarkan suatu pengelasan yang boleh didebatkan dari permulaan.

Kedua, tidak ada seorang pun yang boleh membuktikan bahawa “kesusasteraan” patut ditafsirkan oleh peraturan-peraturan yang berbeza daripada tulisan-tulisan lain. Tidak ada jawapan yang meyakinkan terhadap soalan, “Mengapakah karya ini harus ditafsirkan dalam cara lain daripada karya-karya yang lain?” Pastinya, beban bukti terletak kepada mereka yang mengatakan bahawa suatu karya khas (“kesusasteraan”) patut ditafsirkan dengan cara yang berbeza daripada karya-karya yang lain (bukan “kesusasteraan”). Namun bukti yang seperti ini belum pernah ditunjukkan.

Menafikan bahawa penulishlah yang menentukan maksud teks juga menimbulkan suatu soalan beretika. Pendekatan begini kelihatannya mencuri ciptaan penulis. Memperlakukan sebuah teks jauh daripada tujuan penulis ialah seperti mencuri hak cipta dari penciptanya atau seorang kanak-kanak daripada ibu yang melahirkannya. Jika kita menyenaraikan suatu karya di bawah nama penulisnya, kita telah mengakui bahawa ia “milik” penulis itu. Dialah yang “pemilik” karya itu.



Memberikan maksud kita kepada teks itu adalah sama dengan plagiarisme, iaitu sama halnya kita telah mencuri sesuatu yang bukan milik kita. Sebuah teks ialah seperti satu “surat wasiat” yang ditinggalkan oleh si penulis kepada pewarisnya. Adalah tidak beretika untuk mentafsirkan “surat wasiat” dengan mengabaikan niat sebenar penulisnya. Pelaksana wasiat yang mengabaikan niat penulis dalam surat wasiatnya merupakan satu jenayah dan melanggar keadilan semua orang. Pentafsir yang melakukan hal seperti itu kepada karya kesusasteraan seorang penulis yang lain, juga merupakan tindakan yang tidak beretika dan tidak menghormati surat wasiat si penulis.

## Bantahan-Bantahan terhadap Penulis sebagai Penentu Maksud

**B**eberapa bantahan telah ditimbulkan bagi menentang pandangan bahawa maksud teks ditentukan oleh penulis, dan bahawa dalam mencari maksud teks, kita juga cuba memahami apakah yang ingin disampaikan oleh penulis seperti Paulus melalui teksnya. Salah satu daripada bantahan-bantahan terkenal ini dipanggil “tanggapan yang disengajakan” yang dipopularkan oleh William K. Wimstatt Jr. Dan Monroe Beardsley. Mereka menyatakan bahawa adalah mustahil untuk menjelajah masuk ke dalam minda si penulis seperti Paulus, dan mengalami segala sesuatu yang berada dalam mindanya ketika dia menulis. Pembaca tidak boleh menyelami pengalaman penulis. Emosi terdalam, perasaan dan niat yang Paulus miliki ketika dia menulis tidak dapat diselami oleh pembaca, kecuali penulis sendiri memilih untuk mendedahkannya dalam teksnya. Oleh pertimbangan inilah mereka menyatakan maksud Paulus tidak dapat diperoleh.

Tetapi ketika membaca teks Paulus, tujuan utamanya bukanlah untuk mengalami atau mengulangi pengalaman emosi dan mental Paulus. Tetapi tujuannya ialah untuk memahami apa yang “dimaksudkan” Paulus, apa yang ingin disampaikan kepada para pembacanya melalui teksnya. Bantahan itu keliru dengan dua aspek komunikasi yang berbeza. Yang pertama melibatkan tindakan mental dan emosi yang dialami Paulus; yang kedua melibatkan apa yang Paulus ingin sampaikan. Suatu perbezaan mesti dibuat di antara apa yang Paulus ingin sampaikan dalam teksnya dengan pengalaman mental dan emosi yang dialaminya semasa dia menulis. Apa yang Paulus ingin sampaikan melalui teksnya adalah di dalam alam umum sebab dia menyediakan

ini dengan sengaja dalam teks sendiri kepada pembaca. Tetapi pengalaman mental dan emosional Paulus, atau “tindakan-tindakan mentalnya” adalah sulit dan tidak dapat diselami oleh pembaca, kecuali hanya dengan pendedahan sendiri oleh Paulus dalam teksnya. Tujuan pentafsiran bukanlah untuk mengalami keadaan mental dan emosi Paulus tetapi untuk memahami apa yang dimaksudkannya melalui teks yang diberikan kepada kita. Nampaknya “tanggapan yang disengajakan” telah mengelirukan maksud teks dengan pengalaman penulis ketika dia menulis. Maksud sebuah teks adalah apa yang ingin disampaikan oleh penulis seperti Paulus melalui kata-katanya. Kita dapat capai ini kerana kita dapat capai tulisan Paulus. Namun kita tidak dapat capai tindakan-tindakan mentalnya.

“Tanggapan yang disengajakan” juga menyatakan bahawa penulis mungkin berniat menyampaikan suatu maksud yang khusus tetapi dia tidak mampu mengungkapkannya dengan sejelas-jelasnya. Mungkin penulis tidak mahir dalam ilmu bahasa. Kita semua juga sedar bahawa pada suatu ketika kita tidak mengungkapkan apa yang ingin kita sampaikan dengan sejelas-jelasnya. Bahkan orang-orang yang mahir dalam komunikasi pun kadang kala tidak dapat mengungkapkan dengan tepat apa yang mereka maksudkan. Jadi, mungkin juga penulis pun tidak dapat mengungkapkan apa yang ingin dia sampaikan dengan cara yang dapat difahami. Para penulis juga boleh mengelirukan pembaca melalui pilihan kata-kata yang salah atau tidak sesuai. Akan tetapi, bantahan itu tidak semestinya betul kerana ramai penulis seperti Paulus, mempunyai cukup kemahiran kesusasteraannya untuk mengungkapkan fikiran mereka. Sebenarnya, mereka yang menulis artikel-artikel yang merumuskan masalah ini dengan tujuan untuk menarik perhatian para pembaca mereka, biasanya berfikir bahawa mereka mampu mengungkapkan fikiran mereka dengan jelas sekali. Jika tidak, mengapakah mereka menulis? Jadi, mengapakah kita harus menafikan kecekapan ini dengan para penulis yang lain?

Bagi orang Kristian, suatu fakta tambahan masuk dalam permainan di peringkat ini. Kepercayaan bahawa semua Kitab Suci itu diilhamkan memperkenalkan komponen ilahi ke dalam situasi ini. Jika para penulis Kitab Suci “tergerak oleh Roh Kudus” (2 Ptr 1:21), maka para penulis Alkitab juga diberikan kecekapan oleh Tuhan dalam penulisan. Kecekapan ini membolehkan mereka mengungkapkan dengan sejelas-jelasnya akan perkara-perkara pendedahan yang mereka ingin



sampaikan dalam tulisan mereka.

Suatu lagi bantahan terhadap pandangan bahawa pembaca patut mencari maksud penulis teks itu melibatkan perbezaan psikologi di antara penulis dengan pembaca. Oleh kerana psikologi setiap individu adalah unik, maka mereka simpulkan bahawa pembaca tidak boleh memahami fikiran, emosi dan perasaan penulis ketika dia menulis. Pembaca sangat berbeza dari segi psikologi. Oleh kerana itu, pembaca tidak akan dapat memahami apa yang benar-benar dimaksudkan oleh penulis di dalam teksnya.

Suatu bantahan yang berkaitan ialah pandangan bahawa pembaca moden tidak mampu memahami maksud penulis kuno seperti Paulus. Perbezaan radikal di antara situasi semasa pembaca dan situasi penulis tidak mengizinkan ini. Bagaimanakah pembaca moden, yang biasa dengan komputer dan megabyte, kapal terbang jet dan pengembaraan antarabangsa, televisyen, pemindahan jantung, pendaratan di bulan dan kuasa nuklear, boleh memahami penulis kuno yang menulis beribu-ribu tahun dahulu, pada masa manusia memakai sandal dan toga, serta mempersembahkan binatang korban? Menurut pandangan ini, kebudayaan penulis dan kebudayaan pembaca begitu berbeza sekali sehingga sangat mustahil bagi pembaca moden dapat memahami apa yang dimaksudkan oleh penulis kuno. Penulis kuno dan pembaca moden hidup dalam dua zaman yang sangat berbeza.

Akan tetapi, bantahan-bantahan ini tidak patut dikecilkan. Perbezaan-perbezaan di antara “alam masa dan fikiran” penulis kuno dengan pembaca moden sangat nyata. Terlalu sering kita cuba “memodenkan” para penulis kuno dengan menganggap bahawa mereka berfikiran seperti orang-orang dalam abad yang ke-21. Akibatnya, kita menyalah fahami mereka. Sebaliknya, kita juga boleh terlalu menekankan perbezaan-perbezaan ini, kerana pada akhirnya, kita tidak mencuba untuk memahami fikiran cacing atau katak! Kemanusiaan yang kita kongsi dengan para penulis kuno dan fakta bahawa mereka dan kita telah dicipta dalam imej Allah, memudahkan penyambungan perbezaan dalam zaman. Keperluan-keperluan asas seperti makanan, pakaian, keselamatan, kasih dan pengampunan yang orang-orang kuno perlukan, adalah juga merupakan keperluan-keperluan asas yang kita perlukan sekarang. Sebab itulah, walaupun

sukar untuk memahami seorang penulis kuno, tetapi itu tidak mustahil. Dengan cara yang sama, mempunyai imej Allah juga membantu mengatasi perbezaan-perbezaan psikologi di antara penulis dan pembaca.

Bantahan terakhir yang boleh ditimbulkan mengenai pentafsiran Alkitab ialah melibatkan teks-teks itu di mana penulis mengutarakan suatu pengalaman iman. Bagaimanakah seorang ateis atau orang yang tidak percaya boleh memahami maksud si pemazmur ketika dia menyatakan, "Berbahagialah orang yang diampuni pelanggarannya, yang dosanya ditutupi! Berbahagialah manusia yang kesalahannya tidak diperhitungkan TUHAN, dan yang tidak berjiwa penipu! Selama aku berdiam diri, tulang-tulangku menjadi lesu kerana aku mengeluh sepanjang hari; sebab siang malam tangan-Mu menekan aku dengan berat" (Mzm 32:1–4a)? Ketika seorang percaya mungkin boleh memahami pengalaman iman yang dikatakan oleh pemazmur, seorang ateis tidak akan mampu mengertinya. Akan tetapi, kita mesti membezakan di antara memahami apa yang dimaksudkan penulis melalui kata-katanya, dengan memahami perkara yang dibincangkannya. Seorang ateis boleh memahami bahawa pemazmur berbicara tentang kebahagiaan dari pengampunan TUHAN dan keazaban peribadi yang mendahuluinya. Sebaliknya, ateis itu tidak boleh memahami pengalaman, iaitu perkara yang dibicarakan oleh pemazmur. Mungkin dia akan cuba menjelaskan perkara itu melalui psikologi Freud sebab dia tidak boleh menerima unsur ilahi yang terlibat dalamnya. Namun seorang ateis boleh memahami apa yang dimaksudkan oleh pemazmur melalui perbincangan isu ini. Pemazmur berbicara tentang keazaban kepada dosa dan kebahagiaan kepada pengampunan. Akan tetapi, ateis itu tidak akan memahami kebenaran tentang pengalaman yang dibicarakan oleh pemazmur.

## Peranan Penulis

**T**eks-teks tidak muncul begitu sahaja dalam sejarah. Mereka tidak lahir dan berkembang daripada pohon-pohon atau daripada tumbuhan papirus atau daripada kulit-kulit binatang. Sebuah teks kuno tidak wujud hanya disebabkan oleh seekor binatang kehilangan kulitnya atau tumbuhan papirus tertanggal kulit kayunya, dan simbol-simbol






tertulis muncul secara ajaib padanya. Seseorang, pada suatu masa, di suatu tempat, yang telah menuliskan teks-teks ini; dan dia ingin menyampaikan sesuatu supaya orang-orang lain dapat membacanya. Jika tidak, teks-teks ini tidak akan muncul. Oleh kerana itu terjadi pada masa dahulu, apa yang dikehendaki oleh penulis untuk disampaikan melalui simbol-simbol ilmu bahasa yang digunakannya (sama ada simbol-simbol itu Ibrani, Aram, Yunani atau Latin tidaklah penting) mempunyai maksud yang tidak boleh berubah. Apa yang dikehendaki oleh penulis alkitabiah melalui teksnya tertambat di dalam sejarah. Ia dikarang pada masa dahulu, dan ia adalah sebahagian daripada masa dahulu itu. Apa yang dikehendaki oleh penulis untuk disampaikan dahulu tidak boleh berubah. Apa yang menjadi maksud awal sebuah teks ketika ia ditulis akan tetap terus menjadi maksudnya. Ia tidak boleh berubah, sama seperti peristiwa lain daripada masa dahulu yang tidak akan juga berubah, kerana maksudnya sudah tertulis dalam sejarah masa dahulu untuk selama-lamanya.

Namun, apa yang ingin diucapkan secara sedar oleh penulis seperti Paulus pada masa dahulu, mempunyai implikasi-implikasi yang dia tidak sedar dan tidak memaksudkannya. Implikasi-implikasi itu adalah sebahagian dari maksud teks. Misalnya, ketika Paulus menulis dalam Efesus 5:18, “Janganlah kamu mabuk oleh anggur”, dia sedar atau terfikir bahawa jemaat Kristian di Efesus tidak patut menjadi mabuk oleh campuran air dan wain (biasanya 2 atau 3 bahagian air dengan satu bahagian wain) yang mereka panggil “anggur”. Akan tetapi, ucapan ini ada implikasi-implikasi yang melewati apa yang Paulus sedar dan fikirkan. Paulus memberikan satu prinsip atau pola erti yang ada implikasi-implikasi tentang pengelakan kemabukan oleh bir, wiski, rum, vodka, atau champagne. Jika ditanyakan, Paulus akan menyatakan bahawa walaupun dia tidak sedar atau terfikir tentang arak-arak ini, namun dia bermaksud bahawa bagi orang Kristian tidak sepatutnya menjadi mabuk oleh kerana penggunaan arak-arak ini. Nescaya tiada seorang di Efesus akan terfikir, “Paulus melarang kami menjadi mabuk oleh anggur, tetapi saya tidak fikir saya salah jika menjadi mabuk oleh bir.” Teks Paulus ada implikasi-implikasi yang melewati maksud khususnya pada masa itu. Implikasi-implikasi ini tidak bertentangan dengan maksud asalnya. Malah, mereka termasuk dalam pola erti yang ingin disampaikannya. Sebenarnya, mereka melewati fikirannya ketika dia menulis, tetapi mereka adalah termasuk dalam prinsip yang Paulus

ingin sampaikan dalam ayat itu. Jadi, apa yang dinyatakan oleh penulis Kitab Suci pada masa dahulu, sering kali ada implikasi-implikasi yang berkaitan dengan hal-hal yang dia tidak sedar atau yang tidak wujud pada masa dia menulis teks itu!

Tujuan pentafsiran alkitabiah melibatkan bukan sahaja pemahaman maksud spesifik (tepat dan khusus) penulis, tetapi juga prinsip atau pola erti yang dia ingin sampaikan. Jika Paulus benar-benar melarang kemabukan oleh wiski dan alkohol, adakah dia juga akan melarang penggunaan dan penyalahgunaan narkotik dalam Efesus 5:18? Jelas sekali pernyataan-pernyataan lain dalam Kitab Suci juga melarang penyalahgunaan tubuh manusia seperti ini. Namun demikian, adakah petikan ini secara khusus melarang penggunaannya? Jika kita memahami perintah Paulus sebagai satu prinsip, maka petikan ini sepertinya memang melarang penggunaan narkotik. Jika prinsip atau pola erti yang dikehendaki Paulus dalam ucapannya berbunyi begini, "Jangan menggunakan bahan-bahan seperti wain yang boleh menyebabkan kamu hilang kawalan semua deria dan penguasaan diri," maka penggunaan narkotik juga dilarang dalam ayat ini. Jika kita dapat bertanya Paulus tentang contoh ini, tidakkah dia akan menjawab, "Aku tidak sedar atau terfikir tentang narkotik ketika aku menulis, tetapi itulah yang aku maksudkan"? Faktanya ialah bahawa setiap teks ada implikasi atau maksud yang tidak disengajakan, di mana penulisnya tidak sedar tetapi sepadan dengan maksud yang dikehendakinya dalam teks itu. Sering kali yang menjadi masalah utama kepada pentafsiran ialah untuk cuba memahami implikasi-implikasi sah maksud penulis.



Paulus — Efesus 5:18





Mari kita berhenti sejenak dan mempertimbangkan sama ada Yesus terfikir ketika Dia berkata, “Kamu telah mendengar yang difirmankan kepada nenek moyang kita: ‘Jangan membunuh...’ tetapi Aku berkata kepadamu...” Atau “Kamu telah mendengar firman: ‘Jangan berzina’. Tetapi Aku berkata kepadamu...” (Mat 5:21–48). Ia kelihatan seperti Yesus menghuraikan apa yang terlibat dalam perihal yang betul dari segi moral yang dirujukkan dalam Matius 5:20 implikasi-implikasi kepada perintah-perintah Musa. Sama ada Musa sedar atau terfikir tentang implikasi-implikasi ini ketika dia menulis perintah-perintah itu tidaklah penting. Hal-hal ini adalah implikasi-implikasi sah tentang prinsip-prinsip yang ingin dia sampaikan. Mungkin ada yang akan membantah: “Tetapi bukankah Allah adalah penulis Kitab Suci?” Ini berbunyi cukup rohani, tetapi Kitab Suci tidak menuntut bahawa Allah ialah penulisnya. Surat-surat Paulus tidak bermula, “Surat dari Allah Bapa, Anak dan Roh Kudus, kepada jemaat gereja di Roma.” Tiada kitab dalam Alkitab yang menuntut bahawa Allah adalah penulisnya! Orang Kristian memang percaya bahawa di sebalik kitab-kitab dalam Alkitab berdiri Allah yang hidup, dan Dia telah mengilhamkan hamba-hamba-Nya dalam penulisan kitab-kitab ini. Tetapi Kitab Suci ditulis oleh manusia, bukan Allah. Oleh kerana itu, untuk memahami maksud teks-teks alkitabiah, kita mesti memahami apa yang cuba disampaikan oleh para penulis melalui teks-teks mereka. Maksud ilahi di dalam teks-teks alkitabiah ialah maksud nabi-nabi dan rasul-rasul yang diilhami oleh Allah. Maka untuk memahami maksud ilahi di dalam Kitab Suci, kita perlu sekali memahami maksud yang disedari oleh hamba-hamba Allah yang menulis Kitab Suci ini. Di dalam (bukan di sebalik atau melewati) maksud yang ingin dikongsikan oleh penulis itulah kita akan menemukan maksud yang Allah ingin kongsi dalam Kitab Suci!

Istilah “sedar” telah digunakan terhadap maksud yang dikehendaki penulis pada kebanyakan waktu. Walaupun ini nampak kaku, namun ia telah digunakan dengan sengaja. Alasannya ialah untuk mengelakkan dua kesalahan. Pertama, yang melibatkan para pentafsir itu menyatakan bahawa “mitos” (dongeng) ada di seluruh Alkitab. Menurut pandangan ini, cerita-cerita mukjizat yang terdapat dalam Kitab Suci bukanlah laporan-laporan sejarah tetapi cerita-cerita rekaan atau mitos. Mereka mengatakan bahawa maksud-maksud mitos ini merupakan kebenaran dan nilai-nilai Kristian iaitu “fikiran bawah sedar” yang bermain di dalam fikiran sedar gereja awal dan para

penulis Kristian. Jadi, maksud-maksud “mitos” ini tidak terdapat dalam apa yang cuba diungkapkan oleh para penulis Kitab Suci dalam pola erti yang ditulis oleh mereka. Sebaliknya, “maksud” mitos ini tidak mereka kenal dan tidak berkaitan langsung dengan sebarang pola erti yang mereka ingin sampaikan. Maksud itu berada dalam fikiran bawah sadar mereka yang telah menimbulkan mitos-mitos ini. Akan tetapi, mereka benar-benar tidak sedar akan hal ini. Untuk mengelakkan kesalahan ini, kita harus memberi maksud teks kepada maksud penulis.

Istilah “fikiran bawah sadar” tidak patut dikelirukan dengan apa yang dirujuk sebagai maksud yang “tidak disengajakan” dalam teks. Maksud-maksud yang “tidak disengajakan” atau implikasi-implikasi, sesungguhnya tidak dikenali oleh penulis, tetapi mereka berada dalam pola erti kehendaknya. Akan tetapi, maksud “fikiran bawah sadar” yang dicari dalam pendekatan bermitos tidak berkaitan dengan apa yang ingin disampaikan oleh penulis secara sadar. Sebenarnya, ia menentang maksud penulis, sebab penulis mempercayai kenyataan terhadap peristiwa-peristiwa yang dilaporkannya dan ingin mengongsikan maksud dari peristiwa-peristiwa itu dengan para pembacanya. (Ini akan dibincangkan lebih dalam di bab 2 di bawah tajuk kecil Implikasi-implikasi).

Pada ekstrem yang bertentangan adalah mereka yang menyatakan bahawa Alkitab mesti ditafsirkan secara perkataan demi perkataan (harfiah) pada setiap masa. Ini pun adalah suatu kesalahan, di mana para penulis alkitabiah menggunakan pelbagai bentuk kesusasteraan seperti peribahasa, puisi, hiperbola, dan perumpamaan dalam karya mereka. Mereka tidak berniat bahawa para pembaca mereka patut mentafsirkan petikan-petikan begini secara harfiah. Mereka berniat bahawa petikan-petikan ini ditafsirkan menurut peraturan-peraturan kesusasteraan yang berhubungan dengan bentuk-bentuknya. Jadi, maksud Yesus ketika Dia berkata, “Jikalau seorang datang kepada-Ku dan ia tidak membenci bapanya, ibunya, isterinya, anak-anaknya, saudara-saudaranya laki-laki atau perempuan bahkan nyawanya sendiri, ia tidak dapat menjadi murid-Ku” (Luk 14:26), bukanlah bermaksud bahawa murid-murid-Nya harus membenci ibu bapa mereka. Tetapi itu bererti bahawa untuk menjadi murid-murid Yesus, kita harus mengutamakan Dia lebih dari segala sesuatu dan semua orang. Oleh itu, maksud Lukas 14:26 ialah apa yang cuba disampaikan



melalui kata-kata ini oleh Yesus dan Lukas secara sedar bukanlah erti harfiah kepada kata-kata itu. Begitu juga, perumpamaan tentang orang kaya dan Lazarus (Luk 16:19–31) harus ditafsirkan sebagai suatu perumpamaan dan harus menurut peraturan-peraturan yang menguasai pentafsiran perumpamaan. Ia tidak harus ditafsirkan sebagai suatu laporan sejarah. (Lukas mendedahkan hal ini melalui pengenalan, “Ada seorang...”, yang digunakan dalam Injil untuk memperkenalkan perumpamaan-perumpamaan [lihat juga Lukas 10:30; 14:16; 15:11; 16:1; 19:12]. Ini lebih jelas dalam teks Yunani).

## Peranan Teks

**S**ebuah teks terdiri daripada suatu kumpulan simbol-simbol lisan. Simbol-simbol ini boleh terjadi dari pelbagai jenis huruf, tanda-tanda bacaan, tekanan suara (Yunani), atau vokal (Ibrani). Si penulis alkitabiah



boleh menggunakan sebarang simbol yang dia inginkan untuk menulis teksnya. Sebenarnya, dia boleh mencipta suatu bahasa yang hanya diketahui oleh dia dan mereka yang dipilihnya. Kod-kod khas boleh diciptakan untuk tujuan ini. Suatu kod rahsia ialah suatu teks yang mahu disembunyikan oleh para penulis daripada diketahui oleh orang-orang lain; teks ini akan terdedah maksudnya hanya kepada orang-orang yang mengenali “kod” itu. Pada masa peperangan, kod-kod seperti ini sangat penting. Ketika orang lain “memecahkan” kod itu, seperti yang dilakukan oleh perisik laut Amerika Syarikat dalam Perang Dunia II di *Battle of Midway*, ini akan membawa akibat yang malang kepada mereka yang menganggap bahawa hanya pihak mereka yang memahami kod itu.

Akan tetapi, jika seorang penulis ingin menyampaikan maksud kepada orang ramai, seperti yang diinginkan oleh para penulis alkitabiah, maka dia akan memilih suatu kod, atau suatu kumpulan simbol-simbol lisan yang dapat difahami oleh para pembaca. Kod ini akan melibatkan konsonan, vokal, tanda bacaan, perkataan-perkataan, kiasan, dan tatabahasa yang dikongsikan oleh penulis dan para pembaca. Melalui penulisan, penulis menciptakan suatu teks yang dapat difahami kerana dia menggunakan perkataan-perkataan dan tatabahasa teks yang

dimiliki oleh para pembaca. Selain daripada itu, pembaca tidak boleh memahami apa yang ingin dikatakan oleh penulis. Oleh kerana itu, penulis dengan sengaja mematuhi norma dan pemahaman bahasa yang dimiliki oleh para pembaca. Jadi, jika kita memahami bagaimana penulis mengharapkan agar pembacanya dapat memahami teks itu, kita sebagai para pembaca masa kini, juga boleh memahami maksud teks yang sama itu. Oleh kerana kita boleh belajar bagaimana orang-orang sezaman Paulus dapat memahami perkataan-perkataan Yunani (perbendaharaan kata), pembinaan tatabahasa (sintaksis atau susunan kata), dan konteks kepada teks itu, kita juga boleh memahami maksud Paulus, sebab rasul itu dengan sengaja mematuhi norma bahasa para pembacanya.

Oleh kerana seorang penulis ingin berkomunikasi, dia akan mematuhi “norma bahasa” dan menggunakan perkataan-perkataan dan tatabahasa dalam cara yang lazim kepada para pembacanya. Jika dia menggunakan satu perkataan dalam cara yang tidak lazim, seorang penulis yang baik akan menjelaskan hal itu kepada pembacanya. (Bandingkan bagaimana penulis kitab Ibrani menjelaskan apa yang dimaksudkannya dalam 5:14a oleh “orang-orang dewasa” dalam 5:14b; bagaimana Yohanes menjelaskan apa yang dimaksudkan Yesus dalam 2:19–20 oleh “Bait Allah” dalam 2:21; dan apa yang dimaksudkan oleh 7:37–38 dalam 7:39). Akan tetapi, di dalam norma bahasa, perkataan-perkataan memiliki pelbagai kemungkinan erti yang banyak. Kita boleh menemukan pelbagai erti ini dalam sebuah kamus atau leksikon. Seorang penulis sedar bahawa apabila dia menggunakan perkataan-perkataannya, pasti mereka akan mempunyai salah satu daripada erti-erti itu. Tetapi ketika dia menggunakan perkataan-perkataan ini, konteks yang diberikannya kepada mereka akan menyempitkan lagi kemungkinan erti-erti kepada satu erti sahaja—erti spesifik yang dapat diperolehi dalam pernyataannya itu.

Misalnya, Perkataan “cinta” boleh mengandungi beberapa erti. Ia boleh bermaksud (1) kasih, (2) sayang; (3) kegemaran istimewa; (4) persetubuhan; atau (5) salam dalam surat. Melalui konteks spesifik, seorang penulis menyediakan simbol-simbol lisannya — ayat di mana simbol-simbol ini terjadi, perenggan di mana simbol-simbol terdapat, bab di mana dia meletakkan simbol-simbol — dia mendedahkan erti yang spesifik kepada perkataan-perkataannya.



Oleh kerana penulis menggunakan simbol-simbol sama seperti para pembacanya, sebuah teks itu boleh menyampaikan maksudnya. Akan tetapi, sebuah teks boleh menyampaikan lebih banyak lagi maksud. Sebuah teks boleh memberi kepada pembaca bidang maklumat yang sangat luas. Hanya dengan membaca sebuah teks, pembaca akan belajar pelbagai maklumat tentang sejarah, psikologi, sosiologi, kebudayaan, dan geografi. Sebuah teks ialah suatu tempat menyimpan maklumat, “perkara subjek”, dan pembaca boleh menyelidiki suatu teks untuk memperoleh sedemikian maklumat. Misalnya, kita boleh membaca Injil Markus untuk mempelajari tentang sejarah Yesus, tentang keadaan dan bentuk tradisi-tradisi Yesus sebelum ianya ditulis, dan tentang gaya kesusasteraan Markus. Kita boleh mengkaji kitab Yosua untuk mempelajari tentang geografi Palestin atau strategi tentera pada zaman itu. Kita boleh mengkaji kitab Mazmur untuk mempelajari tentang puisi Ibrani kuno atau penyembahan orang Israel. Semua ini berkemungkinan dan sering kali bermanfaat, tetapi ketika ini dilakukan, kita harus selalu sedar bahawa ini bukan satu kajian terhadap maksud teks itu. Maksud teks-teks itu ialah apa yang ingin diajar oleh para penulis kitab Markus, Yosua dan Mazmur kepada para pembaca mereka dengan menceritakan sejarahnya, tradisi-tradisinya, geografinya, dan bentuk puisinya.

Oleh kerana itu, bila kita menyelidiki suatu laporan tentang Yesus meredakan angin ribut (Mrk 4:35–41), kita mesti berhati-hati memfokuskan perhatian kita pada maksud laporan itu dan bukan pada pelbagai perkara subjek. Tujuan laporan ini bukanlah untuk membantu pembaca memperoleh maklumat mengenai topografi Tasik Galilea (tasik yang dikelilingi oleh bukit-bukit tinggi) atau bagaimanakah angin ribut itu tiba-tiba terjadi (4:37). Juga bukan mengenai murid-murid Yesus yang kurang iman (4:40) atau bentuk dan saiz perahu-perahu di Tasik Galilea dalam abad pertama (4:37). Sebaliknya, Markus telah menjelaskan di ayat pembuka Injilnya bahawa karyanya adalah tentang “Yesus Kristus, Anak Allah”. Oleh itu, laporan itu harus ditafsirkan seperti itu. Maksud yang cuba disampaikan oleh Markus adalah jelas seperti yang terdapat dalam laporan itu. Laporan itu mencapai kemuncaknya pada pernyataan yang terakhir: “Siapakah orang ini, sehingga angin dan ombak pun taat kepada-Nya?” (4:41). Maksud laporan ini, yang cuba disampaikan oleh Markus, ialah bahawa Yesus dari Nazaret, adalah Kristus, Anak Allah. Dialah Tuhan

dan bahkan alam sendiri pun tertakluk kepada suara-Nya!

Mungkin keperluan terbesar dalam pembacaan Alkitab ialah untuk membezakan maklumat-maklumat yang kita boleh pelajari daripada teks-teks alkitabiah iaitu dari maksud yang para penulis berikan kepada maklumat itu. Ini akan dibincangkan dalam bab-bab yang berikut.

## Peranan Pembaca


**D**engan menggunakan simbol-simbol lisan penulis, iaitu teks, pembaca akan cuba memahami apa yang dimaksudkan oleh penulis melalui simbol-simbol ini. Mengetahui bahawa penulis dengan sengaja menggunakan simbol-simbol yang sama dengannya, pembaca bermula dengan pengetahuan bahawa setiap blok binaan teks, iaitu perkataan-perkataan, disesuaikan ke dalam norma bahasa para pembaca asal. (Ini bererti bahawa dalam bacaan karya-karya Shakespeare, kita mesti menggunakan sebuah kamus Inggeris dari abad ke-17 dan bukan kamus yang dari abad ke-21!). Dengan melihat bagaimana perkataan-perkataan itu digunakan dalam frasa-frasa dan ayat-ayat, dan bagaimana ayat-ayat itu digunakan di dalam perenggan-perenggan, dan bagaimana perenggan-perenggan digunakan dalam bab-bab, dan bagaimana bab-bab digunakan dalam karya itu, pembaca cuba memahami niat penulis menulis karya itu. Proses ini dipanggil “putaran tafsiran” (*hermeneutical cycle*). Ungkapan ini merujuk kepada fakta bahawa seluruh teks itu membantu pembaca memahami setiap perkataan berasingan atau sebahagian teks itu; dan pada masa yang sama perkataan-perkataan berasingan dan bahagian-bahagian membantu kita memahami maksud teks dalam keseluruhannya. Ini kedengaran sangat mengelirukan dari apa yang sebenarnya, sebab semua ini berlaku secara serentak dalam minda pentafsir. Minda itu sanggup beralih dari sebahagian ke seluruh teks tanpa kesukaran. Ia berfungsi seperti pemprosesan kata, di mana komputer beralih dengan kelajuan besar ketika menyalin dari cakera ke cakera. Begitu juga, minda itu beralih dari erti perkataan-perkataan berasingan dan pemahaman am kepada seluruh teks sehingga ia sampai ke suatu keputusan kepada maksud teks itu.





Oleh kerana pembaca berminat dalam apa yang dimaksudkan penulis alkitabiah melalui teksnya, maka dia juga berminat dalam tulisan-tulisannya yang lain, sebab hal ini sangat membantu dalam menyediakan petunjuk kepada erti perkataan-perkataan dan frasa-frasa dalam teksnya. Karya-karya lain yang dihasilkan oleh orang-orang yang mempunyai keyakinan dan bahasa yang sama juga dapat membantu, terutamanya mereka yang menulis pada zaman yang sama. Tulisan-tulisan orang sezaman yang mempunyai keyakinan berlainan boleh juga membantu, tetapi sangat kurang, dalam mendedahkan norma bahasa yang digunakan oleh penulis. Oleh kerana itu, untuk memahami apa yang dimaksudkan Paulus dalam satu ayat khas di Surat Roma, pembaca harus memerhatikan cara dia berfikir dan menulis dalam ayat-ayat yang melingkungi teks itu, dalam bab-bab yang berhampiran, dan lain-lain teks dalam buku itu, kemudian dalam surat Galatia (tulisan Paulus yang sama seperti Surat Roma), lepas itu dalam 1 dan 2 Korintus, dan juga dalam tulisan-tulisan Paulus yang lain. Setelah mengkaji semua tulisan Paulus, pembaca boleh menyelidiki di tempat lain. Barangkali, susunan kepentingan selepas tulisan Paulus ialah: lain-lainnya dalam Perjanjian Baru; Perjanjian Lama; kesusasteraan di antara kedua-dua perjanjian; kesusasteraan rukun Yahudi; para bapa gereja awal; kesusasteraan Yunani sezaman. (Susunan ini akan ditentukan oleh pilihan yang terbaik menggambarkan cara Paulus berfikir).

### Sumber-Sumber



Dengan cara yang sama, suatu ayat dalam Injil Lukas lebih baik ditafsirkan oleh ayat-ayat yang melingkunginya, perenggan-perenggan dan bab-bab yang melingkungi ayat itu, teks-teks lain dalam Injil Lukas, dan seterusnya kitab Kisah Para Rasul. Kisah Para Rasul akan mendedahkan lebih jelas bagaimana cara Lukas berfikir berbanding Injil-Injil Matius, Markus, atau Yohanes. Tetapi Injil-Injil lain itu lebih berguna dibandingkan dengan kitab Yesaya, yang lebih berguna daripada buku Yosefus, seorang sejarawan yang hidup dalam abad pertama.

Penting bagi pembaca untuk memahami bentuk kesusasteraan khusus yang digunakan oleh penulis, sebab bentuk kesusasteraan berlainan adalah dikuasai oleh peraturan-peraturan yang berlainan. Jika penulis telah mengungkapkan maksudnya dalam bentuk peribahasa, maka kita mesti mentafsirkan peribahasa itu dengan peraturan-peraturan yang menguasai bentuk kesusasteraan itu. Jika dia telah menggunakan suatu perumpamaan, kita mesti mentafsirkan perumpamaan itu dengan peraturan-peraturan yang sesuai dengan perumpamaan-perumpamaan. Hujah Paulus dalam surat Roma mesti ditafsirkan secara berlainan daripada bentuk puisi di mana seorang pemazmur telah mengungkapkan maksudnya. Akan tetapi, apa yang biasa dalam pentafsiran kepada tiap-tiap bentuk kesusasteraan, ialah bahawa kita cuba memahami maksud yang dikehendaki oleh penulis. Lagi pun, kita boleh menganggap bahawa penulis mematuhi peraturan-peraturan biasa yang berhubung dengan bentuk kesusasteraan khusus yang digunakannya untuk mengongsikan maksud itu dengan para pembacanya.

Selepas pembaca mengetahui maksud penulis, dia perlu mencari implikasi-implikasi maksud itu terutamanya mereka yang berkaitan. Jika pola erti kehendak Paulus ketika dia menulis Efesus 5:18 begini, “Janganlah kamu memasukkan ke dalam tubuhmu bahan-bahan seperti arak yang akan menyebabkan kamu kehilangan kawalan kepada kewarasan dan penahanan kamu,” apakah implikasi-implikasi yang timbul daripada contoh maksud ini berkaitan dengan pembaca? Sebab teks Paulus ada lebih implikasi-implikasi yang tidak disedarinya, “kepentingan” nilai teks berganda dan berbagai-bagai.

Walaupun maksud teks tidak berubah sebab ia terkunci di dalam sejarah dahulu, namun kepentingannya selalu berubah. Itulah sebabnya





beberapa orang menuntut bahawa Kitab Suci ada “maksud-maksud” yang berlainan. Namun sebuah teks tidak ada “maksud-maksud” yang berlainan, sebab seorang penulis seperti Paulus menghendaki hanya satu pola erti yang spesifik ketika dia menulis. (Ada juga waktu-waktu di mana penulis menghendaki suatu permainan kata-kata “yang mempunyai dua maksud” tetapi jarang dijumpai.)

Akan tetapi, suatu teks ada “kepentingan-kepentingan” yang berlainan bagi para pembaca yang berlainan. Contohnya: Kata-kata Yesus, “dan kamu akan menjadi saksi-Ku di Yerusalem dan di seluruh Yudea dan Samaria dan sampai ke ujung bumi” (Kis 1:8) hanya mempunyai satu maksud sahaja. Yesus mahu berita Injil tersebar ke seluruh dunia. Namun nilai pelbagai implikasi kepentingan kata-kata Yesus itu pasti akan berbeza bagi setiap pembaca. Bagi saya, hal itu bererti saya harus melibatkan diri untuk mengajar di seminari teologi. Bagi anak perempuan dan menantu lelaki saya, hal itu bererti bahawa mereka harus melibatkan diri untuk bekerja di kalangan bangsa yang belum dijangkau di negara asing. Dan bagi anak-anak lelaki saya serta isteri-isteri mereka, hal itu bererti mereka harus melibatkan diri untuk bekerja di gereja-gereja setempat mereka. Bagi orang-orang lain, hal itu mungkin melibatkan mereka untuk bekerja di gereja pedalaman atau di bahagian tengah bandar atau bersaksi tentang Kristus di tempat kerja mereka. Bagi orang bukan Kristian, pastilah ia akan melibatkan satu penolakan kepada maksud. Hanya ada satu maksud kepada suatu teks, maksud itu adalah maksud yang dikehendaki oleh penulis secara sadar, tetapi dengan cara yang khusus maksud itu dapat mempengaruhi para pembaca, yang kepentingannya akan sedikit berbeza.



## Soalan-Soalan

1. Adakah sesuatu yang dikenali sebagai “maksud” sebuah teks? Jika ada, di manakah maksud ini dapat ditemukan? Siapakah atau apakah yang menentukannya?
2. Bagaimanakah kita boleh menentukan apa yang menjadikan suatu penterjemahan yang baik kepada Alkitab? Adakah ini berkaitan dengan hal yang dibincangkan dalam bab ini?

3. Mengapakah orang mempelajari bahasa Yunani dan Ibrani (dan Aram) dalam hal mengkaji Alkitab? Apakah dikatakan ini, tentang tempat di mana maksud teks dapat ditemukan?
4. Dalam hasrat untuk menyampaikan mesej mereka, bagaimanakah para penulis membatasi diri mereka? Bagaimanakah pembatasan ini membantu kita dalam pentafsiran Alkitab?